

Headline **Angka membimbangkan**
Date **12 Jul 2009**
MediaTitle **Metro Ahad**
Section **Setempat**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
ADValue **7,117**

Language **Malay**
Page No **14**
Article Size **331 cm²**
Color **Full Color**
PRValue **21,351**



Angka membimbangkan

KOTA BHARU: Jumlah pesakit Aids membabitkan kanak-kanak dan remaja di negeri ini menunjukkan angka yang membimbangkan.

Kajian oleh Rumah Masyarakat Prihatin (RMP), iaitu sebuah badan bukan kerajaan (NGO) yang menguruskan pesakit HIV/Aids mendapati, seramai 258 remaja berusia di bawah 13 tahun di negeri ini disahkan positif menghidap Aids.

Pengurus RMP, Zahrain Zulkifly, berkata angka itu diperoleh hasil rekod pesakit Aids dan pembawa virus HIV yang mendaftar dengan mereka.

"Bilangan ibu tunggal menghidap Aids yang berdaftar dengan RMP ialah 385 orang dan mereka memiliki 702 kanak-kanak (berusia kosong sehingga 12 tahun) dan 120 remaja (13 hingga 18 tahun).

"Yang mengejutkan, daripada 702 kanak-kanak berusia sehingga 12 tahun itu, 258 orang disahkan positif menghidap Aids," katanya

dalam pertemuan dengan Metro Ahad.

Zahrain berkata, biarpun jumlah itu cukup menakutkan, pihaknya percaya angka itu tidak menyeluruh dan jumlah sebenar pesakit Aids, termasuk golongan kanak-kanak, di negeri ini adalah lebih ramai.

"Ini kerana kami percaya ramai lagi pesakit Aids yang takut atau malu untuk tampil ke depan," katanya.

Biarpun angka diperoleh RMP dianggap tidak rasmi, ia relevan kerana selari dengan perangkaan Kementerian Kesihatan iaitu 78.4 peratus daripada 84,630 kes HIV/Aids di negara ini sejak 1986 hingga tahun lalu, membabitkan usia 13 hingga 39 tahun.

Pertengahan Jun lalu, Timbalan Presiden Majlis Aids Malaysia dilaporkan berkata, statistik menunjukkan Kelantan memiliki jumlah pesakit HIV/Aids paling ramai di negara ini iaitu seramai 666 orang tahun lalu.

Angka itu menjadikan

jumlah keseluruhan pesakit Aids di negeri ini ialah 9,758 sejak kes pertama dikesan pada 1986.

Mengulas hal itu, Zahrain berkata, faktor seks bebas di kalangan remaja dan jenayah sumbang mahram turut menjadi penyumbang kepada peningkatan itu, selain kes 'mewarisi' penyakit berkenaan daripada ibu bapa.

"Kanak-kanak dan remaja yang menghidap Aids terpaksa melalui pelbagai dugaan memeritkan, terutama bagi yang kematian ibu bapa.

"Mereka selalunya dipulau atau 'dibuang' bukan saja oleh masyarakat sekeliling tapi juga oleh keluarga sendiri yang tidak mahu nama baik keluarga mereka terjejas.

"Jika perkara ini terus berlaku sepanjang proses pembesaran mereka, tidak mustahil satu hari nanti kanak-kanak terbabit boleh menjadi trauma, seterusnya 'gila' akibat tekanan perasaan," katanya.

Menurut Zahrain, sebab



ZAHRAIN... beri sokongan



TERBELA... sebahagian ibu tunggal yang menghidap Aids mendapat pembelaan di RMP.

itu RMP merahsiakan perkara itu daripada pengetahuan pihak sekolah kerana tidak mahu kanak-kanak terbabit menderita jika rahsianya bocor.

"Seperti kes Nana dan Nani, rahsia mereka menghidap Aids bocor apabila ibu bapa mereka mati akibat penyakit berkenaan.

"Sebab itu pihak kami menempatan Nana, Nani dan neneknya di RMP selama setengah bagi menyelamatkan mereka sekeluarga daripada terus dicemoi," katanya.

Zahrain berkata, pesakit yang bernaung di RMP akan diberi motivasi, kaunseling dan juga rawatan secukup-

nya bagi memastikan mereka benar-benar pulih.

"Orang ramai tidak sepatutnya menghukum kanak-kanak Aids, sebaliknya mereka perlu diberi dorongan dan perangsang untuk meneruskan hidup. Mereka insan yang tidak berdosa dan hanya menjadi mangsa kesilapan orang tua," katanya.